



Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2017

● Penghargaan kepada anggota bomba.

● Berdedikasi, komited berkhidmat untuk negara.

● Bina lebih banyak balai bomba.

muka 2&3



*10 lokasi Program
Transformasi
Sosial tahun ini*

muka 4

DIARI PARLIMEN

**Jawapan
Tan Sri Noh Omar**

*Menteri Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

muka 5



**TP1M baik pulih,
selenggara
perumahan
bertingkat** *muka 6*



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Datuk Haji Mohammad Mentek

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

KETUA EDITOR

Norhayati Abd. Manaf

Ketua Unit Komunikasi Korporat

PENOLONG KETUA EDITOR

Rosyila Abdul Latif

Pegawai Perhubungan Awam

Siti Mariani Ayob

Pegawai Perhubungan Awam

Nadhilah Shariffuddin

Penolong Pegawai Perhubungan Awam

SIDANG PENGARANG

- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
- Jabatan Perumahan Negara
- Jabatan Kerajaan Tempatan
- Jabatan Landskap Negara
- Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
- Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata
- Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Bahagian Undang-undang
- Bahagian Dasar dan Inspektorat
- Bahagian Kewangan dan Perolehan
- Bahagian Akaun
- Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
- Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai
- Bahagian Kesejahteraan Bandar
- Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
- Bahagian Sumber Manusia
- Bahagian Teknologi Maklumat
- Unit Audit Dalam
- Unit KPI
- Unit Integriti

PENERBIT

Unit Komunikasi Korporat



Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan memeriksa kawalan kehormatan yang terdiri daripada pegawai dan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) pada majlis sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2017 di Ipoh, Perak baru-baru ini.

Hargai, hormati khidmat bomba - Sultan Nazrin

SULTAN Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bertitah, perkhidmatan yang diberikan oleh anggota bomba perlu dihormati dan diberikan penghargaan sewajarnya.

Titah baginda, anggota bomba saban masa berhadapan pelbagai bahaya dan mengharungi pelbagai dugaan ketika melaksanakan tugas dan menggalas tanggungjawab mereka.

Baginda bertitah, usaha menghargai dan menghormati perkhidmatan ahli bomba tidak memadai sekadar menganugerahkan pingat, sijil dan cenderamata serta tidak mencukupi dengan ucapan dan surat pujian.

"Menghargai dan menghormati khidmat anggota bomba hendaknya tidak terbatas kepada program-program berbentuk perbarisan, pameran, persembahan budaya atau jamuan.

"Sambutan Hari Anggota Bomba akan lebih bermakna jika diisi dengan acara-acara berunsur ilmu, berupaya meningkatkan penghayatan masyarakat dan apresiasi negara.

"Acara seperti ini juga harus dilengkapi dengan program yang dapat memberikan impak bermakna, berupaya membawa perubahan substantif kepada perkhidmatan yang memberikan manfaat jangka panjang kepada anggota bomba," titah baginda ketika merasmikan majlis sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2017 di Ipoh, Perak baru-baru ini.

Berangkat sama, Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim; Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa dan Raja Puan Besar Perak, Raja Nor Mahani Raja Shahar Shah.

Yang turut berangkat, Raja Di Hilir Perak, Raja Iskandar Dzulkarnain Almarhum Sultan Idris Shah dan Raja Puan Muda Perak, Tunku Soraya Sultan Abdul Halim.

Hadir sama, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar; Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir; Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Datuk Wan Mohd. Nor Wan Ibrahim dan Setiausaha



Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim tertarik melihat gaya seorang kanak-kanak yang mengenakan pakaian seragam anggota bomba.

Kerajaan Negeri Perak, Datuk Seri Abdul Puhat Mat Nayan.

Sementara itu, Sultan Nazrin turut menggariskan lima perkara yang perlu dilaksanakan sebagai menghargai peranan anggota bomba iaitu yang pertama, merekayasa program latihan dan tatacara operasi yang dapat meningkatkan tahap profesional anggota.

Titah baginda, yang keduanya ialah mengenal pasti peralatan terkini yang diperlukan dalam menghadapi cabaran senario semasa untuk membolehkan perkhidmatan lebih berkesan dapat diberikan.

Baginda bertitah, perkara yang keti-

ga ialah menilai prosedur operasi dan kelengkapan yang perlu dibekalkan untuk meminimumkan risiko anggota ketika menjalankan tugas.

"Keempat, merangka pakej perkhidmatan dan program kebajikan anggota bukan saja ketika berkhidmat tetapi lebih penting pada usia tua persaraan, setimpal tahap pengorbanan, beban tanggungjawab dan risiko dihadapi anggota.

"Kelima, meningkatkan kesedaran negara dan masyarakat terhadap pengorbanan bomba supaya negara dan masyarakat menghargai ahli bomba ketika dalam perkhidmatan dan selepas bersara," titah baginda.



Demonstrasi oleh anggota-anggota Unit STORM JBPM.



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim berkenan mendengar taklimat yang disampaikan Ketua Pengarah JBPM, Datuk Wan Mohd. Nor Wan Ibrahim (kiri) tentang helikopter yang digunakan dalam operasi menyelamat. Turut kelihatan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar (dua dari kiri) dan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir (tiga dari kiri).



Persembahan pakaian seragam yang digunakan oleh anggota bomba pada masa dahulu mencuri tumpuan orang ramai yang menghadiri Majlis Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2017 di Ipoh, Perak baru-baru ini.

PM, TPM hargai dedikasi anggota bomba

PERDANA Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak menyatakan penghargaan kepada semua pegawai serta anggota Jabatan Bomba Penyelamat Malaysia (JBPM) atas dedikasi, komitmen dan khidmat mereka kepada negara.

Beliau menzahirkan ucapan itu sempena Hari Anggota Bomba Sedunia 2017 yang disambut pada 4 Mei lalu.

"Terima kasih wira-wira negaraku di @bombaJBPM atas dedikasi, komitmen dan khidmat kepada negara.

"Selamat menyambut Hari Anggota Bomba Sedunia 2017!" kata Perdana Menteri menerusi Twitter beliau baru-baru ini.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi turut mengucapkan terima kasih kepada JBPM atas khidmat bakti yang telah diberikan kepada rakyat dan negara.



**MOHD. NAJIB
TUN ABDUL RAZAK**



**AHMAD ZAHID
HAMIDI**

"Selamat menyambut Hari Bomba Sedunia 2017. Terima kasih atas khidmat bakti yang diberikan kepada rakyat dan negara. Teruskan dan tahniah, @bombaJBPM," kata beliau menerusi akaun Twitter miliknya.



Jasa dan pengorbanan yang ditunjukkan oleh semua pegawai serta anggota JBPM menerima penghargaan oleh Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

Lebih banyak balai bomba akan dibina

KERAJAAN akan membina lebih banyak balai bomba di seluruh negara dalam usaha meningkatkan lagi mutu perkhidmatan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, ketika ini, sebanyak 30 buah balai bomba sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan di seluruh negara sebagai tambahan kepada 284 balai bomba sedia ada.

Menurut beliau, di Perak sahaja, terdapat sebanyak 32 balai bomba dan sebuah balai bomba baharu di Kampung Gajah yang akan dimulakan pembinaannya dalam masa terdekat.

"Dua buah balai bomba lagi akan dibina dalam masa terdekat di Trong, Taiping dan Tambun dekat sini. Saya yakin dengan terbinanya balai-balai ini, masa bertindak pasukan bomba ke tempat kecemasan akan terus bertambah baik," katanya ketika berucap pada Majlis Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2017 di Ipoh, Perak baru-baru ini.

Sementara itu, Noh berkata, pada masa ini, sebanyak 80 peratus daripada panggilan kecemasan di seluruh negara telah diambil tindakan oleh pasukan bomba dalam tempoh kurang daripada 20 minit.



Tan Sri Noh Omar (dua dari kiri) mengiringi Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ketika baginda beramah mesra dengan anggota-anggota bomba.



Demonstrasi semangat kerja berpasukan oleh Unit STORM JBPM.

Tam-bah beliau, bagi beberapa negeri lain seperti Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Putrajaya, Labuan dan Melaka, kadar keti-

baan pasukan bomba ke tempat kecemasan dalam tempoh 20 minit telah mencapai hampir 100 peratus.

"Penekanan ketika ini adalah untuk meningkatkan peratusan ketibaan pasukan bomba ke tempat kecemasan dalam tempoh kurang dari 10 minit yang mana kedudukannya pada masa ini adalah sebanyak 45 peratus," katanya.

Pada masa sama, kata Noh, usaha memberi kesedaran keselamatan kebakaran kepada masyarakat

dengan penglibatan Ahli Parlimen, wakil rakyat dan pemimpin setempat dalam aktiviti kebomba-an akan diteruskan sebagai langkah proaktif bagi mencegah kebakaran.

Menurut beliau, sepanjang tahun lalu, angka kematian akibat kebakaran berkurangan sebanyak 30 peratus iaitu dari 153 orang pada 2015 kepada 107 orang pada 2016.

"Begitu juga dengan nilai kerugian harta benda akibat kebakaran telah berjaya dikurangkan sebanyak 34 peratus manakala nilai harta benda yang diselamatkan pula telah meningkat sebanyak 21 peratus," katanya.



10 lokasi Program Transformasi Sosial

PELAKSANAAN PTS

TAHUN JUMLAH LOKASI

2014 7

2015 8

2016 10

2017 10

Taman permainan kanak-kanak di salah sebuah kawasan perumahan yang telah dibaik pulih oleh KPKT menerusi Program Transformasi Sosial.

KEMENTERIAN Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan melaksanakan Program Transformasi Sosial (PTS) di 10 lokasi projek di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) sepanjang tahun ini.

Program tersebut akan dijalankan di empat buah negeri iaitu Pahang, Selangor, Johor dan Kedah mulai Mei hingga Disember tahun ini.

Program Transformasi Sosial tersebut dilaksanakan KPKT di lokasi-lokasi perumahan yang telah dibaik pulih di bawah projek NBOS di seluruh negara.

Antara objektif pelaksanaan PTS adalah untuk mewujudkan satu mekanisme kejiranan indah yang mampan dengan penglibatan masyarakat setempat menerusi pelbagai program yang dijalankan serta mewujudkan nilai kebertanggungjawaban (sense of belonging) terhadap kawasan setempat meliputi aspek keselamatan, kesihatan, kebersihan dan keindahan.

PTS dilaksanakan melalui program yang diadakan di bawah jabatan atau bahagian KPKT serta kementerian lain dengan melibatkan lima komponen utama iaitu:

■ Bomba Komuniti untuk memupuk kesedaran keselamatan kebakaran dan sebagai penyampai maklumat keceemasan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), membantu menjaga pili bomba, menangani kes-kes kebakaran kecil dan sebagai agen penggerak dalam mewujudkan komuniti yang mempunyai kesedaran tinggi terhadap budaya keselamatan kebakaran.

■ Bandar Selamat untuk mengurangkan jenayah melalui aktiviti omnipresence dan rondaan keselamatan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan anggota polis wanita (Amanita) bersama persatuan penduduk atau Rukun Tetangga. Amanita akan mendaftarkan suri rumah sebagai Rakan Amanita untuk menjadi 'mata dan telinga' kepada pihak polis bagi menyalurkan maklumat kes jenayah

yang berlaku. Selain itu, PDRM akan mengadakan taklimat keselamatan dan pencegahan jenayah kepada penduduk setempat.

■ Communication for Behavioural Impact (COMBI) atau Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku bertujuan melibatkan komuniti dalam aktiviti-aktiviti memerangi nyamuk aedes. Ahli COMBI akan membuat pemeriksaan secara berkala bagi membantu kerajaan dalam memantau dan mengawasi kawasan perumahan mereka sentiasa bersih dan bebas dari tempat pembiakan nyamuk aedes.

■ Komuniti Kitar Semula 3R (reduce, reuse dan recycle) adalah memberi kesedaran kepada masyarakat akan kepentingan menggunakan semula barang terpakai sekali gus mengurangkan jumlah sisa yang dilupuskan di tapak pelupusan. Langkah ini dapat membantu kerajaan untuk mencapai sasaran kadar kitar semula kebangsaan sebanyak 22 peratus



Tan Sri Noh Omar menandatangani plak pelancaran Program Transformasi Sosial (PTS) Rumah Pangsa Sri Bandar, Port Dickson Negeri Sembilan sambil diperhatikan Datuk Halimah Mohamed Sadique (dua dari kiri) dan Datuk Mohammad Mentek (kiri) baru-baru ini.

menjelang tahun 2020. Aktiviti kitar semula ini juga boleh membantu menambah sumber pendapatan isi rumah sekiranya barangan kitar semula yang dikumpul dan dijual kepada pusat-pusat kitar semula. Selain daripada itu, amalan ini selaras dengan peraturan pengasingan sisa pepejal di punca yang merupakan pelan strategik jangka panjang KPKT untuk mewujudkan sebuah pengurusan sisa pepejal yang mampan.

■ Rakan Taman diwujudkan bagi memupuk semangat sukarelawan dan amalan menjaga, memelihara, menyelenggara dan mengawasi taman yang telah dinaik taraf. Melalui Rakan Taman, penduduk boleh bergotong-royong memperbaiki kerosakan kecil dan berkongsi idea bagi meningkatkan keceriaan kawasan sekitar. Selain itu, komuniti boleh melaksanakan aktiviti bumi hijau dengan menanam pokok-pokok bunga untuk memperindah landskap kawasan setempat.

Pasukan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) turut terlibat dalam Program Transformasi Sosial (PTS) yang dilaksanakan KPKT di kawasan perumahan.



Tan Sri Noh Haji Omar

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

#TanyaMenteriKPKT #Parlimen2017

1 Pertimbangan bagi pembinaan balai bomba dan penyelamat di Putatan, Sabah; Asajaya, Sarawak dan Dengkil, Selangor?

Putatan, Sabah dan Asajaya, Sarawak

✓ Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah membuat permohonan bagi projek Balai Bomba dan Penyelamat Putatan dan Balai Bomba dan Penyelamat Asajaya di bawah Rolling Plan Kedua RP2 Rancangan Malaysia Kesebelas untuk dibina pada tahun 2017 tetapi masih belum mendapat kelulusan.

✓ KPKT akan mengemukakan semula permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan

MENTERI JAWAB

Perdana Menteri dan menjadikannya sebagai senarai keutamaan kepada kementerian agar projek balai bomba dan penyelamat ini dapat dipertimbangkan untuk kelulusan dalam Rolling Plan Ketiga RMKe-11 untuk tahun 2018.

✓ Pada masa ini kawasan Putatan mendapat pertolongan kebomba dan Balai Bomba dan Penyelamat Penampang serta Balai Bomba dan Penyelamat Kota Kinabalu yang masing-masing terletak antara 9 hingga 11 kilometer daripada kawasan Putatan.

✓ Kawasan Asajaya mendapat pertolongan daripada Balai Bomba dan Penyelamat Kota Samarahan yang melibatkan jarak sejauh 13 kilometer melalui jalan air iaitu melalui sungai dan juga 25 kilometer melalui jalan darat.

✓ Jadi, memang jelas bahawa Putatan memang memerlukan balai bomba tambahan kerana keadaannya agak jauh daripada kawasan Parlimen tersebut bila berlaku kebakaran.

Dengkil, Selangor

✓ JBPM telah mengenal pasti satu tapak bagi tujuan pembinaan balai bomba di kawasan Dengkil.

✓ Peruntukan bagi pembinaan balai bomba tersebut akan dimohon dalam RP3 RMKe-11 tahun 2018.

✓ Pada masa ini, kawasan Dengkil mendapat perlindungan kebomba dari tiga buah balai bomba di mana ke semuanya berada dalam jarak 7.3 kilometer sehingga 11.5 kilometer.

■ Sidang Dewan Rakyat, 23 Mac 2017

2 Berapakah kadar pengurangan jumlah sisa pepejal yang dihantar ke tempat pelupusan di Kuala Lumpur sahaja?

✓ Sasaran kerajaan untuk mengurangkan aliran sisa pepejal ke tapak pelupusan sisa pepejal adalah sebanyak 40 peratus menjelang tahun 2020.

✓ 18 peratus daripadanya adalah melalui penggunaan teknologi tinggi.

✓ Loji rawatan sisa pepejal perlu dibina bagi mengurangkan kebergantungan Kuala Lumpur kepada tapak pelupusan.

■ Sidang Dewan Rakyat, 23 Mac 2017

3 Adakah kadar keluaran sisa pepejal yang hendak dilupuskan boleh dikurangkan daripada 2,000 tan dan adakah semuanya dibuang ke tapak sedia ada di Bukit Tagar?

✓ Kita hendak meneruskan projek di Taman Beringin, Kepong ini adalah kerana hendak mengurangkan kos pengangkutan.

✓ Kita bawa sisa pepejal ini daripada pusat pemindahan di Taman Beringin, Kepong ke tapak pelupusan sanitari di Bukit Tagar. Namun, jaraknya agak jauh dan memerlukan kos.

✓ Jadi, apabila siap insinerator ini nanti, tidak perlu lagi kita membawa sisa pepejal dari Kuala Lumpur ke Bukit Tagar.

■ Sidang Dewan Rakyat, 23 Mac 2017



Mengecat semula dan membaiki kerosakan umum di Rumah Pangsa Tempoyang, Kuala Lipis, Pahang



Kerja mengecat Rumah Pangsa Bukit Senjuang, Banda Hilir, Melaka

TP1M baik pulih, selenggara perumahan bertingkat

TABUNG Penyelenggaran 1Malaysia (TP1M) ditubuhkan pada 31 Januari 2010 bagi membaik pulih dan menyelenggara perumahan bertingkat kos rendah swasta berharga RM42,000 ke bawah dan sederhana rendah swasta berharga RM42,001 hingga RM80,000 di bandar-bandar utama seluruh negara.

Sebagai permulaan, kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dijadikan tumpuan utama membaik pulih yang ketika itu dilaksanakan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) mengikut geran sepadan dengan nisbah 50:50.

Pada tahun 2012, TP1M diperluaskan ke seluruh negara dan peruntukan yang diberikan adalah mengikut geran sepadan 90:10 bagi rumah bertingkat kos rendah swasta iaitu 90 peratus dibiayai melalui TP1M dan 10 peratus ditanggung persatuan penduduk atau Badan Pengurusan Bersama (JMB) manakala bagi kategori rumah bertingkat kos sederhana pula, peruntukan yang diberikan adalah dengan nisbah 70:30.

TP1M yang kemudiannya diambil alih oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 2013 ditambah baik dengan geran sepadan bagi Kos Rendah dikecualikan sepenuhnya sementara Kos Sederhana Rendah mengecualikan lima skop kerja dari geran sepadan iaitu lif, cerun, tangga, pagar dan pendawaian.

Kini, dengan perbelanjaan bernilai RM111.6 juta sejak 2013, sebanyak 298 projek telah dilaksanakan dan hasilnya, 102,676 buah kediaman dengan seramai 501,761 orang penghuni menerima bantuan TP1M sekali gus dapat meningkat-

kan kualiti hidup masyarakat dan berada dalam persekitaran yang lebih kondusif.

Selain TP1M, Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) turut diwujudkan pada tahun 2011 yang bertujuan untuk menyelenggara dan membaik pulih perumahan berstrata kos rendah awam dan swasta di seluruh negara kecuali perumahan perumahan kos rendah swasta di Kuala Lumpur.

Bermula pada 2012, kumpulan sasar PPP tertumpu kepada perumahan berstrata kos rendah awam sahaja manakala perumahan kos rendah swasta diletakkan di bawah TP1M selain menerima Peruntukan Pembangunan (DE) bernilai RM40 juta setahun.

Berbeza dengan konsep geran sepadan TP1M, PPP mempunyai geran sepadan dengan nisbah 90:10 iaitu 90 peratus daripada kos baik pulih ditampung oleh KPKT manakala baki 10 peratus ditampung oleh pihak yang menguruskan rumah pangsa kos rendah terbabit sama ada kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan atau agensi kerajaan negeri masing-masing.

Skop kerja PPP pula meliputi membaiki atau mengganti lif, tangki air dan sistem retikulasi, paip sanitari, bum-bung, tangga dan handrail, mengecat bangunan dan harta bersama untuk setiap 10 tahun, pendawaian dan elektrik serta kerosakan umum pada kemudahan awam harta bersama yang menjejaskan keselamatan dan keselesaan penghuni.

Sehingga 2015, sebanyak 335,110 penghuni daripada 67,025 buah unit menerima manfaat PPP lantas menunjukkan usaha KPKT dalam memantapkan kualiti hidup setiap penghuni perumahan di negara ini.

2016

PERUNTUKAN
& AGIHAN70
buah projekRM30
juta

STATUS FIZIKAL

Aktiviti/program	Bil. kawasan pemajuan	Nilai projek (RM juta)
Siap	45	16.34
Pelaksanaan	17	9.86
Perolehan	3	1.12
Pra perolehan	4	1.09
JUMLAH	70	28.41

Nota:

Baki peruntukan RM1.59 juta diperuntukan bagi projek Fasa 2.

2017

PERUNTUKAN
& AGIHAN5
buah projekRM25
juta

STATUS FIZIKAL

Aktiviti/program	Bil. kawasan pemajuan	Nilai projek (RM juta)
Siap	1	0.7
Pelaksanaan	2	1.0
Perolehan	1	0.6
Pra perolehan	1	11.8
JUMLAH	5	14.1

Nota:

RM0.6 juta diperuntukan bagi projek pemasangan AVAS dan CCTV. Baki peruntukan RM10.3 juta diperuntukan bagi projek Fasa 2.

BICARA MENTERI

Akhiri kemiskinan melalui AZAM Bandar

PADA 1 MEI lalu, seluruh warga kerja di seluruh dunia telah bercuti sempena Sambutan Hari Pekerja dan saya turut meraikan hari cuti ini dengan menghadiri beberapa majlis di sekitar Selangor dan Lembah Klang. Seronok saya apabila dapat bertemu dengan warga kerja daripada pelbagai lapisan latar belakang dan industri.

Alhamdulillah, ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa pasaran pekerjaan di Malaysia berkembang dengan agak baik walaupun ada segelintir rakyat yang berkongsi kerisauan tentang perkara ini di media sosial.

Baru-baru ini juga, saya membaca perkongsian informasi tentang ekonomi oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak yang menyatakan bahawa Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ASEAN pada tahun 2016 adalah sebanyak AS\$2.5 trilion sekali gus meletakkan kita pada kedudukan ekonomi ketujuh terbesar di dunia.

Ini adalah merupakan berita yang baik untuk rakyat Malaysia dan seterusnya saya berharap agar dapat meredakan banyak kerisauan dalam kalangan rakyat bahawa ekonomi Malaysia semakin merudum.

Seperti yang sering saya tekankan, KPKT komited untuk meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat di bandar

dan atas dasar ini, kementerian telah memperkenalkan program AZAM Bandar yang membantu rakyat di bandar menjana pendapatan hidup seterusnya menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

AZAM adalah singkatan kepada Akhiri Zaman Miskin dan program AZAM Bandar adalah inisiatif yang menyediakan latihan kemahiran untuk rakyat bandar memulakan peniagaan dan jana pendapatan.

Sebagai RM10,000 diperuntukkan kepada setiap peserta AZAM Bandar yang meliputi latihan dan juga pembekalan peralatan mengikut latihan kemahiran yang diberikan.

Setiap peserta juga dipantau perkembangannya oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang melatih mereka bagi memastikan peserta program AZAM Bandar ini berjaya memanfaatkan latihan yang diberi kepada mereka.

Terdapat lebih 8,000 usahawan kecil berjaya dihasilkan oleh program ini sejak 2013, meliputi pelbagai perkhidmatan daripada peniaga makanan, bidang jahitan sehinggalah juga bahagian kemahiran seperti mekanik, servis penghawa dingin dan juga landskap.

Sebagai Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya berbangga dengan kejayaan peserta AZAM Bandar

» Terdapat lebih 8,000 usahawan kecil berjaya dihasilkan oleh program ini...

yang telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara walaupun dalam skala sederhana dan kecil.

Apabila berbicara tentang ekonomi, saya juga agak teruja melihat semakin ramai golongan muda yang memilih untuk menceburi bidang perniagaan sebagai pilihan selain daripada bekerja makan gaji.

Yang paling menarik minat saya adalah perniagaan *foodtruck* yang semakin popular dalam kalangan rakyat Malaysia, terutamanya rakyat di bandar. Bermula minggu ini, setiap hari Selasa, KPKT telah membuka ruang perniagaan *foodtruck* di bangunan KPKT di Presint 4 Putrajaya dan inisiatif ini merupakan tanda kita menyokong perkembangan industri ini.

Selain itu, ada beberapa program lain yang sedang dirancang oleh Kementerian ini dengan kerjasama beberapa agensi luar yang akan dapat membantu serta menyokong peniaga-peniaga *foodtruck* ini untuk berkembang lebih maju.

Fenomena menukar 'street food'

kepada sesuatu yang lebih komersial ini adalah suatu inisiatif kreatif oleh rakyat bandar untuk menjana lebih pendapatan dan menangani isu kos sara hidup yang semakin tinggi. Bagi peniaga-peniaga *foodtruck* di luar sana, nantikan program menarik daripada KPKT pada masa yang terdekat ini, InsyaAllah.

Dalam minggu ini juga saya tersentuh hati dengan berita sedih tentang Allahyarham adik Mohamad Thaif yang telah meninggal dunia pada 26 April lalu di Hospital Sultan Ismail, Kota Tinggi, Johor. Marilah kita bersama-sama sedekahkan al-Fatihah buat beliau dan berdoa agar roh adik Mohamad Thaif ditempatkan bersama mereka yang beriman. Takziah juga saya ucapkan kepada keluarga adik Mohamad Thaif dan semoga mereka tabah menghadapi dugaan ini.


Akhir kata, saya ingin mengucapkan SYABAS dan TAHNIAH kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di atas Majlis Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia pada 4 Mei lalu di Ipoh, Perak. Insya-Allah, KPKT akan terus komited menangani isu-isu rakyat di bandar dan terus meningkatkan kesejahteraan hidup.

TAN SRI NOH OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

SENYUM SIKIT

Oleh MARO





Tinjau

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar meninjau perniagaan Food Truck anjuran Kelab Badan Kebajikan dan Sukan (KESKEP), KPKT di pejabat Kementerian pada 3 Mei lalu. Food Truck tersebut akan dibuka di Kementerian pada setiap hari Selasa dan Khamis.



Lawatan kerja

Lawatan kerja Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Haji Mohammad bin Mentek ke Loji Insinarator Kampung Rancha-rancha, Labuan pada 27 April lalu.



Berani

Datuk Haji Mohammad bin Mentek bersama anggota-anggota Bomba semasa mengadakan lawatan kerja ke Balai Bomba Layang-layang, Wilayah Persekutuan Labuan pada 27 April lalu.



Bersih dan sihat

KPKT turut sama menjayakan Program Gotong-Royong Jom Bersih 12 Bukit Bintang 'Bersih dan Sihat' yang dirasmikan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mohd Amin Nordin Abd Aziz pada 29 April lalu.



Aktiviti seni dan visual

Aktiviti Seni Lukis dan Visual Identiti sebagai salah satu program kesedaran mengenai World Urban Forum Ke-9 (WUF9) bersempena dengan Program Local Agenda 21 Kuala Lumpur yang berlangsung di Bukit Bintang pada 29 April lalu.



Bengkel seni manik

Bengkel Seni Manik anjuran Biro Keusahawanan dan Kepenggunaan PUSPANITA Cawangan KPKT yang dirasmikan oleh Pengerusi PUSPANITA KPKT, Datin Hajjah Hairani Mohd Tajudin pada 28 April lalu.



Nadi Sihat Jelajah Semarak

Tan Sri Noh Omar merasmikan Program Nadi Sihat Jelajah Semarak 'Bangkit Bersama' sempena Sukan SEA ke-29 pada 27 April lalu.



Kunjungan hormat

Datuk Haji Mohammad bin Mentek menerima kunjungan hormat Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya, Dato' Sri Dr. Roslan Md.Taha pada 3 Mei lalu.



Uji Rintis

Sesi Program Uji Rintis Modul Pengajaran dan Pembelajaran Merentasi Kurikulum Prasekolah di Tabika Kemas Bunga Tulip, Presint 9, Putrajaya anjuran Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp).

PPR Sungai Bonus simbol kesejahteraan penduduk kota

"Bersyukurlah dengan apa yang kita dapat kerana kerajaan membantu lebih daripada segala-galanya."

Itulah antara kata-kata yang diluahkan penduduk Program Perumahan Rakyat (PPR) Sungai Bonus, Setapak, Kuala Lumpur bagi menzahirkan rasa syukur kerana diberi peluang antara ribuan masyarakat kota untuk mendiami perumahan itu sejak 2003.

Usaha kerajaan yang digerakkan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam membangunkan perumahan bertingkat itu telah memberi manfaat kepada kira-kira 3,000 penduduk PPR tersebut.

Lebih istimewa apabila kawasan yang menempatkan masyarakat berbilang kaum itu adalah simbol kesejahteraan penduduk kota terutama dengan budaya perpaduan yang diamalkan penduduk.

Menurut Yang Dipertua Majlis Gabungan Pengerusi-Pengerusi Persatuan Penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Razak Abdul Karim, peluang untuk mendiami rumah PPR berkenaan telah menjadikan penduduk lebih bersatu.

"Ia bagaikan berada di sebuah komuniti dan perkampungan antarabangsa kerana penduduk saling berinteraksi antara satu sama lain, mengamalkan perhubungan baik dan memupuk sikap tolong-menolong

serta toleransi.

"Saya fikir program ini secara tidak langsung menjadi salah satu pendekatan untuk menggalakkan keharmonian masyarakat pelbagai kaum. Malah, pelbagai program dijayakan penduduk menjadi bukti kebersamaan mereka," katanya yang juga Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Sungai Bonus baru-baru ini.

Menurut Razak, rumah PPR setinggi 17 tingkat itu juga sering diuar-uarkan sebagai perumahan contoh kerana pelbagai kelebihan yang dimiliki antaranya kemudahan infrastruktur termasuk keluasan kediaman.

"Jika dibandingkan dengan PPR lain, perumahan ini lebih luas sedikit kerana bersaiz hampir 800 kaki persegi. Malah, di koridornya pula mempunyai ruang yang lebih besar. Keadaan ini dapat memberi keselesaan kepada penghuni," katanya.

Sebanyak 632 unit kediaman dengan keluasan minimum 800 kaki persegi di tawarkan di PPR Sungai Bonus.

Pangsapuri mampu milik yang mula dibina pada 2000 itu mempunyai dua blok bangunan iaitu G dan H.

Pelbagai kemudahan asas turut dibina bersama antaranya surau, gelanggang sukan, taman permainan, tempat letak kenderaan berbumbung dan rumah sampah selain sekolah berdekatan.



Surau yang besar dan selesa memberi kemudahan kepada penduduk beragama Islam di PPR Sungai Bonus, Setapak.



Kemudahan parkir kereta yang luas dan banyak memberi keselesaan kepada penduduk PPR Sungai Bonus, Setapak.

INFO PPR SUNGAI BONUS, SETAPAK

Berhampiran
jajaran
Sungai
Bonus

Berdekatan
Sekolah
Kebangsaan
Seri Bonus


2001
Dibangunkan
2003
Mula didiami

3
bilik tidur
2
bilik air
ruang tamu
& dapur

632
unit
2
blok
17
tingkat
3,000
penduduk

Kemudahan gelanggang futsal memberi ruang kepada penduduk PPR Sungai Bonus, Setapak untuk beriadah.

Kemudahan awam: **Surau, taman permainan, gelanggang sukan, padang bola**



APA KATA PENDUDUK?



"RAKYAT Malaysia amat bertuah apabila rumah-rumah di bawah Program Perumahan Rakyat boleh dimiliki hanya pada harga RM35,000 hingga RM40,000 seunit, sedangkan kos pembinaannya adalah bernilai antara RM160,000 seunit."



RUZIAH SUHI, 41
Penduduk

"ADALAH diharapkan supaya mereka yang layak dan sedang menduduki rumah ini nanti akan mengenang budi dan jasa kerajaan yang amat prihatin kepada rakyatnya."



LIM LEW TAN, 55
Penduduk

"ISU perumahan kini menjadi isu nasional kerana tidak semua rakyat mampu memiliki rumah pada harga yang terlalu mahal. Tetapi kerajaan mampu menawarkannya di bawah harga pasaran dan ini membuktikan keprihatinan kerajaan."



S. RAYAN, 49
Penduduk

"SAYA gesa KPKT memperhebatkan lagi usaha membangunkan lebih banyak PPR khususnya di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk selain di kawasan pinggir bandar serta perkampungan dalam usaha membantu rakyat."



JENIS PAJAN, 40
Penduduk

Program Pembasmian Kemiskinan Bandar ringankan beban rakyat



Adam bergambar berlatar belakang rumah pusaknya yang dibaikimenggunakan peruntukan Program Baik Pulih Rumah Bandar.

PROGRAM Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) yang dilaksanakan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah banyak membantu rakyat terutamanya golongan yang kurang berkemampuan dalam menjalani kehidupan lebih selesa.

Di bawah program ini, pelbagai bentuk bantuan dan kemudahan telah disediakan antaranya program Bantuan Sewa Rumah, Bantuan Perumahan Bandar (Bina Baru atau Baik Pulih), program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan, Amanah Saham Wawasan 2020, Kiosk Penjaja Bergerak dan Program Titipan Kasih.

Bagi seorang pesara, Adam Abdullah, 68, dia sangat bersyukur dengan bantuan yang diperoleh menerusi program Bantuan Baik Pulih Rumah Bandar apabila rumahnya di Kampung Telok Gadong, Klang yang sudah berusia lebih 80 tahun kini telah dibaik pulih.

Katanya, rumah yang didiaminya bersama isteri telah mengalami masalah bumbung bocor dan kerap dimasuki air hujan sejak lima tahun lalu sehingga sukar untuk tinggal dengan selesa.

Namun melalui program Bantuan Baik Pulih Rumah Bandar, bumbung rumahnya kini mempunyai dua lapis berbanding selapis sahaja, malah kayu pada bumbung berkenaan juga ditukar agar dapat bertahan dengan lebih lama.

"Rumah ini sudah cukup lama sehingga bumbung mula bocor lima tahun

lepas, jadi jika hujan, air sering mengalir masuk ke dalam rumah malah juga dalam bilik tidur, ada juga cuba betulkan sedikit, tetapi tak berani nak panjat ke atas bumbung kerana keadaannya yang uzur.

"Sudah lima tahun sebenarnya saya memohon bantuan, saya fikir mungkin sudah tidak ada harapan, tetapi alhamdulillah akhirnya ada juga yang sudi membantu, mereka memeriksa keadaan bumbung rumah dan membaik pulih dalam masa dua minggu sahaja jadi jika hujan lebat pun tidak akan menjadi masalah lagi," katanya baru-baru ini.

Dalam pada itu, seorang peniaga, Norhayati Musa Ali, 41, dia berasa terkejut apabila terpilih sebagai salah seorang penerima bantuan Program Titipan Kasih menerusi eKasih pada tahun lalu setelah sekian lama menanti.

Dia memperoleh pelbagai barangan dapur yang bernilai RM80 setiap bulan antaranya beras, minyak masak, susu, gula dan tepung.

"Terus-terang saya sangat terkejut dan tak sangka dipilih. Pernah juga melihat rakan-rakan menerima bantuan, sedangkan saya sudah lama memohon tetapi mengapa tidak dapat bantuan, saya fikir tidak apalah, mungkin tiada rezeki.

"Namun apabila saya terpilih, ya Allah, rupa-rupanya ada rezeki juga, alhamdulillah sekurang-kurangnya dapat meringankan beban keluarga," katanya.



Adam menunjukkan keadaan bumbung yang sudah dibaiki selepas menerima bantuan daripada program baik pulih rumah bandar.



BANTUAN BAIK PULIH RUMAH BANDAR

KRITERIA KELAYAKAN

1. Ketua Isi Rumah menetap dalam kawasan operasi PBT;
2. Disahkan status kemiskinan dalam sistem eKasih sama ada miskin tegar/ miskin/ mudah miskin/ terkeluar (kumpulan B40 sahaja), pendapatan isi rumah bawah RM3,860.00;
3. Bagi yang tidak berdaftar dalam eKasih, Ketua Isi Rumah hendaklah disahkan dalam Mesyuarat Kumpulan Tumpuan Pembasmian Kemiskinan Peringkat Negeri atau Daerah dan satu salinan minit mesyuarat perlu dikemukakan semasa permohonan;
4. Kerosakan rumah disebabkan faktor usia atau bencana tetapi masih ekonomik untuk dibaiki; dan
5. Pembaikan melibatkan komponen-komponen asas rumah sahaja seperti bumbung, dinding, lantai, tingkap serta tidak melibatkan struktur asas rumah.

JENIS RUMAH

- Rumah Sesebuah/ Berkembar/Teres (atas tanah sahaja)

Saluran
Aduan
KPKT

Aduan dalam talian melalui laman web KPKT:
www.kpkt.gov.my

Laman web Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
www.nohomar.my

E-mel Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
aduanmenteri@kpkt.gov.my

Talian aduan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal (SWCorp): **03-83124040**

Aduan PBT menerusi aplikasi telefon pintar iKepoh:
<http://ikepoh.kpkt.gov.my/>

Facebook **KPKT MALAYSIA**

Instagram **KPKT**

Twitter **@kpkt_gov**

YouTube **KPKT Malaysia**

Portal Talian Indahkan Malaysia (aduan kutipan sampah):
<http://www.aduansisa.my/>

Talian Aduan Kutipan Sampah dan Pembersihan Awam:
1-800-88-7472

Isu pembuangan sampah haram di Bandar Kinrara dipantau

Merujuk kepada keratan akhbar Sinar Harian pada 4 Mac lalu, pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menerima aduan tersebut serta memanjangkannya kepada perhatian Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) untuk tindakan selanjutnya.

Pihak MPSJ telah menjalankan siasatan ke atas aduan tersebut dan mendapati lokasi pembuangan sampah haram yang dinyatakan di kawasan Bandar Kinrara adalah di bawah selian syarikat pemaju iaitu Perumahan Kinrara Berhad.

Bagi permasalahan ini, pihak MPSJ telah mengeluarkan Notis Kacauganggu di bawah Seksyen 82 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) pada 20 Disember 2016 dan susulan daripada aduan tersebut pihak pemaju telah melaksanakan tindakan pembersihan.

Walau bagaimanapun, berikutan aduan permasalahan berulang yang diterima, MPSJ telah mengeluarkan Notis Kacauganggu yang kedua di bawah seksyen sama pada 2 Mac lalu.

Berikut merupakan tindakan yang telah dilaksanakan oleh pihak pemaju berhubung masalah ini.



➤ Tindakan pembersihan menyeluruh secara berperingkat.

➤ Memasang blok batu sebagai penghalang laluan masuk ke lokasi tersebut.

➤ Menyediakan pengawal keselamatan bagi menghalang aktiviti pembuangan sampah haram di lokasi tersebut.

Keratan akhbar Sinar Harian
4 Mac 2017.

Melalui pemantauan terkini, MPSJ mendapati tiada lagi sisa-sisa sampah baharu di lokasi tersebut dan pemantauan penguatkuasaan secara berterusan akan dilakukan di tapak lokasi aduan bagi memastikan kawasan ini berada di dalam keadaan bersih dan bebas sampah.

ALBUM
BULETIN
BANDAR



Perkarangan Bazar Mydin Melaka Sentral.



Stesen KTM Tanjung Malim, Perak.



Temerloh, Pahang.



Pantai Morib, Banting Selangor.



Edaran Sekitar Alor Setar, Kedah.



SAMBUTAN HARI ANGGOTA BOMBA SEDUNIA | 4 MEI 2017 "BOMBA TONGGAK PENYELAMATAN NEGARA"

FAKTA #AbangSado

PROGRAM LET'S GET FIT

TUJUAN

MEMPERTINGKATKAN
**KECERGASAN
& KESIHATAN**
DALAM KALANGAN
WARGA

JBPM

RESPONSE TIME

14.95 MINIT (2016)
BERBANDING
15.02 MINIT (2015)

4

KELAB KESELAMATAN KANAK-KANAK (3K)

20,390
KELAB

492,530
KEAHLIAN DISELURUH NEGARA

BOMBA KOMUNITI

1,527 PASUKAN
BOMBA KOMUNITI
18,303 KEAHLIAN
SELURUH NEGARA

**FAKTA
MENARIK
MENGENAI
BOMBA
YANG
PERLU ANDA TAHU**

EMERGENCY MEDICAL RESCUE SERVICES

PADA TAHUN
2016 > **15,482**
KES DIKENDALI

Hadihkan kejuaraan Piala Malaysia kali ke-34

Azam Kapten Selangor

PERANAN sebagai kapten untuk sebuah pasukan bola sepak yang digelar *The Red Giants* bukan sahaja menjadi suatu kebanggaan tetapi turut menuntut pemain untuk memberikan persembahan yang terbaik kepada pasukan.

Justeru, bagi kapten pasukan Selangor, Razman Roslan, 33, pengalaman bermain dengan Selangor selama 10 tahun dan pasukan Pahang tiga tahun menjadikan diri beliau sebagai pemegang watak utama mengemudikan perancangan taktikal bagi jurulatih, P. Maniam.

"Sebagai pemain senior saya menganggap pemain-pemain muda seperti adik dan jurulatih serta pembantu jurulatih seperti abang.

"Malah, Pengurus pasukan, Rauf Ahmad sendiri adalah bekas pemain skuad Selangor yang sudah masak dengan permasalahan pemain. Kami semua seperti sebuah keluarga besar yang memahami tugas masing-masing," katanya baru-baru ini.

Razman berkata, sebagai kapten beliau sering menasihati rakan sepasukannya untuk bermain dengan satu tujuan iaitu bagi memastikan Piala Malaysia dapat dijuarai pada tahun ini.

Katanya, beliau berazam menambah koleksi kali ke-34 kejuaraan berprestij tersebut untuk Selangor selari dengan usianya yang bakal bertambah pada tahun ini.

"Saya berpesan kepada pemain-



KEDUDUKAN LIGA SUPER 2017

Pasukan	P	M	S	K	G	B	PG	MATA
JDT	11	8	2	1	27	10	17	26
Pahang	11	6	3	2	27	14	13	21
Kedah	11	5	5	1	20	14	6	20
Perak	11	4	5	2	18	19	-1	17
SELANGOR	11	4	4	3	16	13	3	16
Felda	11	2	5	4	11	14	-3	11
Kelantan*	11	5	1	5	21	17	4	10
T-Team*	11	4	4	3	16	18	-2	10
PKNS	11	2	4	5	18	21	-3	10
Melaka	11	2	4	5	12	24	-12	10
Sarawak	11	2	3	6	11	17	-6	9
P. Pinang	11	1	2	8	7	23	-16	5

Nota: Ditolak 6 mata

Setakat 5 Mei 2017

pemain muda untuk fokus dalam setiap perlawanan bagi memastikan pasukan kami terus kekal di empat tempat teratas. Untuk itu kemenangan dalam setiap perlawanan terus menjadi buruan kami.

"Justeru, saya dan rakan pasukan akan memastikan masalah di luar padang tidak mengganggu rentak permainan kami. Sekaligus menjadikan kami sepasukan menjadi unit yang diprogramkan untuk mencetak jaringan demi jaringan," katanya.



Mohamad Norza Presiden BAM baharu

DATUK Seri Mohamad Norza Zakaria (**gambar**) baru-baru ini secara rasmi diumumkan sebagai Presiden Persatuan Badminton Malaysia (BAM) yang baharu dalam Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Ke-72 persatuan itu.

Selepas pengumuman itu, Mohamad Norza telah mengumumkan peletakan jawatan sebagai Pengerusi Institut Sukan Negara (ISN) dan Presiden Persatuan Badminton Kuala Lumpur (KLBA) berkuat kuasa serta merta.

Keputusan itu dibuat untuk membolehkan beliau memberikan tumpuan penuh terhadap program pembangunan yang dirancang bersama BAM selain memberi ruang kepadanya untuk menguruskan masa dengan lebih baik.

"Tugas selaku Presiden BAM bukan sesuatu yang mudah kerana memerlukan kerjasama semua pihak terutama daripada presiden persatuan di peringkat negeri untuk menjayakan setiap perancangan masa hadapan," katanya dalam Mesyuarat Agung Tahunan persatuan itu.

Sementara itu dua bekas Presiden BAM, Tan Sri Mohamed Al Amin Abdul Majid dipilih secara sebulat suara selaku Penasihat BAM manakala Tan Sri Tengku



Mahaleel Tengku Ariff dipilih selaku Presiden Kehormat persatuan itu.

Dalam pada itu, mengenai sasaran untuk BAM bagi penggal akan datang, Mohamad Norza berkata, pihaknya akan memastikan Akademi Badminton Malaysia di Bukit Kiara diserahkan sepenuhnya kepada persatuan itu pada Januari 2018 untuk membolehkan keseluruhan 150 pelatih menjalani latihan termasuk dalam kalangan pelajar Sekolah Sukan Bukit Jalil.

Pada masa sama, beliau juga menyara-

sarkan dua pemain akan melayakkan diri bagi setiap acara yang dipertandingkan dalam Sukan Olimpik 2020 bagi menceraikan peluang meraih pingat emas pertama negara di temasya sukan berprestij itu.

"Tidak guna kita meletakkan sasaran tinggi sekiranya tiada pemain yang mampu merealisasikan impian kita, macam sekarang ini semua orang melihat acara perseorangan lelaki sebagai penanda aras dan saya akui kita mempunyai masalah di dalam acara itu," katanya.

Datuk Seri Mohamad Norza Zakaria bersama barisan kepimpinan baharu BAM bergambar pada Mesyuarat Agung Tahunan Ke-72 dan Mesyuarat Majlis Khas Persatuan Badminton Malaysia di Dorsett Grand, Subang.

Pasar Ayam Aman Jaya kini lebih selesa

PELBAGAI kemudahan serba baru di Pasar Ayam Aman Jaya, Ipoh, Perak serta tempat meletak kenderaan bertingkat yang siap dibina sepenuhnya pada Januari lalu berupaya meningkatkan kualiti serta memberi persekitaran lebih selesa kepada para peniaga dan pembeli.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, projek menaik taraf Pasar Ayam Aman Jaya yang menggunakan peruntukan kerajaan dengan nilai keseluruhan sebanyak RM12.63 juta itu menempatkan 60 unit gerai ayam, 313 lot tempat meletak kenderaan serta kemudahan asas yang lain seperti tandas dan surau.

Beliau memberitahu, pihaknya turut berharap dengan siapnya bangunan parkir bertingkat itu dapat mengatasi masalah kekurangan tempat meletak kenderaan kepada mereka yang ingin berkunjung ke pasar atau Pusat Transformasi Bandar (UTC) yang terletak bersebelahan.

"Kita berharap dengan pembinaan semula pasar tersebut, ia akan kembali meriah kerana uniknya pasar ini terletak

bersebelahan dengan UTC, Ipoh yang dianggarkan menerima dua juta pengunjung setiap tahun.

"Jadi, dengan adanya pasar baharu dan bangunan blok parkir bertingkat tersebut sekurang-kurangnya dapat mengatasi masalah kekurangan parkir di kawasan itu," katanya dalam Majlis Perasmian dan Penyerahan Kunci Bagi Pasar Ayam Aman Jaya, Ipoh, Perak baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Noh berkata, pembinaan pasar ayam tersebut menunjukkan kerajaan memberikan pembangunan kepada semua kaum tanpa mengira kawasan demi kesejahteraan penduduk.

"Saya lihat sebanyak 70 peratus peniaga di pasar ini terdiri daripada masyarakat Cina dan selebihnya peniaga Melayu.

"Objektif utama projek ini adalah untuk merealisasikan hasrat MBI sebagai Pihak Berkuasa Tempatan untuk memberikan kemudahan serta meningkatkan perkhidmatan yang lebih baik kepada penduduk. Projek ini merupakan sebahagian daripada siri pelaksanaan projek pembangunan semula pasar-pasar dalam kawasan MBI," jelasnya.



Tan Sri Noh Omar menyerahkan replika kunci gerai pasar ayam kepada Zulkafly Che Nas, dalam Majlis Perasmian dan Penyerahan Kunci Bagi Pasar Ayam Aman Jaya, Ipoh Perak baru-baru ini.

Masa depan PPR Lembah Subang 1 cerah bersama KPKT

PENDUDUK-PENDUDUK Program Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 1 di Taman Putra Damai, Selangor menganggap masa depan mereka jauh lebih cerah di bawah pengurusan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Pengerusi Jawatankuasa Kesejahteraan dan Pembangunan Lembah Subang (JKPLS), Datuk Yusoff HM Haniff berkata, para penduduk PPR tersebut menghargai keprihatinan pihak Kementerian yang sanggup turun padang dalam membantu dan menyelesaikan

masalah yang dihadapi penduduk semasa ini.

Sebagai contoh, beliau berkata, pembukaan tender untuk pembinaan 23 buah lif baharu di kawasan tersebut membuatkan para penduduk di PPR itu lebih selamat dan selesa.

"Justeru, kami meminta kerajaan negeri memberi laluan kepada KPKT, ini bukan soal duit tetapi soal kesejahteraan rakyat. Walaupun berlaku pertikaian, tetapi jangan jadikan rakyat sebagai mangsa," katanya.

Beliau berkata demikian selepas

menyerahkan memorandum rakyat menyokong pengambilalihan KPKT terhadap PPR Lembah Subang 1 kepada Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang mengadakan lawatan mengejut di kawasan itu baru-baru ini.

Perkara tersebut susulan daripada hasrat Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar untuk memperuntukkan sejumlah RM23 juta bagi proses pengambilalihan pengurusan PPR Lembah Subang 1 daripada Kerajaan

Negeri Selangor.

Tambah Yusoff, beliau berharap pihak Kerajaan Negeri Selangor dapat bertindak lebih ikhlas bagi membantu penduduk-penduduk di kawasan PPR tersebut.

"Kalau ingin bantu, bantulah dengan ikhlas, jangan hanya muncul apabila rakyat berada dalam kemelut, apabila KPKT turun baru Menteri Besar nak turun, ini satu tindakan bermusim dan tidak sepatutnya berlaku, malah kawasan Petaling Jaya sepatutnya jauh lebih cantik dan indah," katanya.

Datuk Yusoff HM Haniff (baju merah) bersama penduduk-penduduk PPR Lembah Subang 1 memegang kertas bantahan sewaktu Datuk Seri Mohamed Azmin Ali mengadakan lawatan mengejut di PPR itu baru-baru ini.





APA KATA PENDUDUK?
"RAKYAT Malaysia amat bertuah apabila rumah-rumah di bawah Program Perumahan Rakyat boleh dimiliki hanya pada harga RM35,000 hingga RM40,000 seunit, sedangkan..."
RUZIAH SUHDI, Penduduk PPR Sungai Bonus

muka 10



PPR Sungai Bonus simbol kesejahteraan penduduk kota
muka 10



PPKB ringankan beban rakyat
muka 11



Azam Piala Malaysia Kali Ke-34 untuk rakyat Selangor
muka 14

Buletin

Bandar



NEGARAKU

1 - 7 MEI 2017 • 4 - 10 SYAABAN 1438

Kerajaan naik taraf Pasar Ayam Aman Jaya

Masalah tempat letak kenderaan selesai

- Tempat letak kenderaan bertingkat.
- Peruntukan RM12.63 juta.
- Pelbagai kemudahan asas tingkat keselesaan.

"Dengan adanya pasar baharu dan bangunan blok parkir bertingkat tersebut sekurang-kurangnya dapat mengatasi masalah kekurangan parkir di kawasan Pasar Ayam Aman Jaya."

TAN SRI NOH OMAR
 Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

muka 15

